

64 bazar Ramadan dibuka 12 Mac untuk warga kota

Kuala Lumpur: Kira-kira 64 lokasi Bazar Ramadan di sekitar ibu kota bakal menjadi tumpuan orang ramai apabila mula dibuka 12 Mac ini dengan lokasi paling popular dijangka di Bazar Wangsa Maju, Lembah Pantai, Kampung Baru, Kampung Pandan dan Datuk Keramat.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi kenyataan kepada Harian Metro berkata, lokasi Bazar Ramadan terbahagi kepada dua kategori iaitu bazar di bawah seliaan DBKL dan bazar di bawah seliaan pihak penganjur.

Katanya, ada dua lokasi bazar di bawah seliaan DBKL iaitu Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan Bazar Ramadan di Tempat Letak Kereta (TLK) Taman Tasik Permaisuri.

“Bazar Ramadan di bawah seliaan pihak penganjur membabitkan 62 lokasi diluluskan DBKL manakala bagi Bazar Aidilfitri Lorong TAR, ada 216 petak penjaja.

“Bagi Bazar Ramadan di TLK Taman Tasik Permaisuri, 160 petak penjaja disediakan.


“Jumlah keseluruhan petak diluluskan di 62 lokasi Bazar Ramadan seliaan penganjur sebanyak 4,060 petak,” katanya kepada Harian Metro.

DBKL berkata, semua bazar dijangka beroperasi mulai 12 Mac 2024 bersamaan 1 Ramadan 1445H sehingga 9 April 2024.

Selain itu, waktu operasi bazar tertakluk kepada jenis jualan iaitu bagi bazar membabitkan jualan jua-dah, waktu operasi bermula dari jam 3 petang sehingga 8 malam manakala untuk jenis jualan barangan kering, waktu perniagaan dibenar bermula dari jam 10 pagi hingga 12 malam.

“Bagi pemegang lesen didapati gagal mematuhi syarat pelesenan ditetapkan, DBKL boleh mengambil tindakan kompaun secara serta-merta.

“Selain itu, tindakan pe-



“Jumlah peniaga nampak ada pertambahan berbanding tahun lalu sebab berniaga mata pencarian mereka”

motongan wang cagaran boleh dikenakan ke atas pemegang lesen selepas tarikh tamat operasi bazar,” katanya.

DBKL akan melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas operasi bazar di bawah seliaan penganjur dan tindakan kompaun boleh diambil ke atas pemegang lesen selain tindakan pemotongan wang cagaran boleh dikenakan ke atas pihak penganjur jika didapati gagal mematuhi syarat penganjur bazar ditetapkan.

Sementara itu, Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, walaupun berdepankenaikan kos barangan, pihaknya melihat peningkatan peniaga yang memohon berniaga di bazar Ramadan tahun ini.

“Dari segi jumlah peniaga nampak ada pertambahan berbanding tahun lalu sebab berniaga mata pencarian mereka, cuma dari segi kuasa membeli kita tak dapat pastikan lagi.

“Oleh itu, saya nasihatkan kepada komuniti penjaja dan peniaga supaya tidak menjualnya pada harga yang tinggi.

“Kita tidak mahu kuasa membeli menurun kerana jika terlalu mahal sukar pelanggan datang lagi,” katanya.

